

KECELARUAN GOLONGAN MUSLIM LIBERAL DALAM MEMAHAMI KONSEP IJTIHAD *ISTINBĀTĪ* DAN *TATBĪQĪ* DALAM ISLAM

Oleh:
Wazi b. Othman¹

Abstrak

Sejak kebelakangan ini ramai yang ingin menafsirkan Islam dan ajaran-ajarannya terutama daripada golongan liberal. Melihat kepada implikasi yang sangat bahaya kepada masyarakat terutamanya permasalahan yang berkait dengan akidah, penulis merasa terkesan dengan terjahan rasionalis Barat yang bergerak atas nama Islam untuk menulis sebuah artikel dengan tujuan ingin memberi penjelasan tentang penyelewengan akademik golongan liberal ini akibat hanya berpandukan kepada epistemologi Barat. Metodologi yang digunakan dalam penulisan artikel ini ialah berdasarkan kepada kaedah pengumpulan data dari pelbagai bahan rujukan bagi menjelaskan kekeliruan yang ditimbulkan oleh mereka yang bukan keahlian dalam bidang ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa golongan muslim liberal tidak memahami secara mendalam konsep ijihad istinbāṭī (mengeluarkan hukum) dan tatbīqī (pelaksanaan) dalam Islam. Hal ini menyebabkan timbul kecelaruan dalam penafsiran mereka terhadap ajaran-ajaran Islam.

Kata Kunci: *Barat, Ijtihad, Liberal, Muslim Liberal*

PENDAHULUAN

Masyarakat dunia moden hari ini berlumba-lumba ingin menjadi jaguh setiap lapangan yang diceburinya ini sesuatu yang sihat bagi manusia yang normal. Setiap manusia khususnya umat Islam dianugerahkan oleh Allah S.W.T akal untuk menerokai khazanah keilmuan yang amat luas sama ada ilmu agama mahu pun ilmu keduniaan. Namun di saat perkembangan

¹ Wazi b. Othman, Penarah Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

keilmuan dalam segenap disiplinnya di barat dan timur begitu pesat dengan ledakan kemajuan sains dan teknologi yang sepatutnya orang Islam semakin rasa kerdil di sisi Yang Maha Pencipta, rasa tunduk dan patuh kepada penciptaNya, tetapi sebaliknya telah berlaku, realiti sebahagian umat Islam amat membimbangkan. Terutamanya golongan intelek yang terpesona dengan segala idea yang datang dari Barat tanpa sebarang penapisan. Golongan ini secara agresif menerjah ke dalam masyarakat dengan menyanggah al-Quran dan sumber dalil yang bersifat *qaṭ'ī* dalam Islam serta mencemuh ulama terdahulu.

Pelbagai teori akal telah mereka ketengahkan tanpa merujuk panduan agama. Ini adalah menurut mereka segala hukum-hakam yang didominasi oleh ulama terdahulu perlu dirombak dan perlu mengikut kehendak semasa dan perlu ditafsirkan semula. Golongan ini secara berani mempersenda hukum agama sampai ke tahap sudah jelas kejahatannya. Atas dasar prihatin dengan realiti yang berlaku kepada agama Islam ini maka persoalan ini akan dibincangkan agar dapat memberi manfaat kepada semua dalam berdepan dengan golongan liberalis moden.

SEJARAH KEMUNCULAN MUSLIM LIBERAL

Islam Liberal adalah satu fahaman sesat yang berpunca dari sifat tidak yakin pada dirisendiri, merasa rendah diri (*inferiority complex*) dan mengagung-agungkan gaya pemikiran Barat oleh sekumpulan orang Islam. Apa sahaja yang datang dari Barat sama ada sistem pemerintahan, politik, sosial, budaya dan lain-lain lagi perlu diterima tanpa tapisan kerana menurut pandangan kumpulan ini, Baratlah yang boleh membawa kemajuan dunia.

Menurut *Kamus Dewan*², perkataan Liberal didefinisikan sebagai:

1. Bersifat condong kepada kebebasan dan pemerintahan yang demokratik (contohnya menentang hak-hak keistimewaan kaum bangsawan), (fahaman) bebas.
2. Bersifat atau berpandangan bebas, berpandangan terbuka (tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran dan sebagainya).

Aliran ini muncul selepas berlakunya peristiwa *Renaissance*³ setelah masyarakat Eropah lama hidup dalam kegelapan. Liberalisme ialah aliran

² Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, ed. Keempat, (2007), Selangor: Dawama Sdn. Bhd., h. 935.

pemikiran bermatlamatkan untuk meningkat kebebasan hak-hak individu. Secara umumnya ianya tidak bertentangan dengan Islam sekiranya kebebasan individu itu dibatasi oleh hukum-hakam agama kerana Islam memang mengiktiraf hak-hak setiap individu. Masalahnya para sarjana Barat memutlakkan hak-hak individu tanpa batasan agama dan di luar batasan akal, namun mereka tidak sedar situasi tersebut. Antara pandangan yang dikemukakan oleh mereka ialah:

- a. Kebebasan individu tanpa sekatan atau dengan sekatan yang paling minimum dalam bidang ekonomi, politik, perundangan dan sosial.
- b. Ianya dipacu oleh gagasan:
 - i. Individu lebih penting dari masyarakat.
 - ii. Masyarakat wujud untuk individu.
 - iii. Individu bebas dari sebarang ikatan agama.
- c. Oleh kerana ketenteraman masyarakat perlu diutamakan, moral agama diganti dengan nilai etika tetapi tidak dapat menyekat rempuhan krisis yang melingkari masyarakat Barat dalam institusi kekeluargaan, perekonomian, politik dan kemasyarakatan⁴, walaupun pelbagai teori diaplikasikan atas nasihat ilmuan mereka.

Oleh itu kemunculan golongan muslim liberal secara dasarnya adalah berpaksikan kepada modenisme Barat yang melahirkan modernisme Islam. Dalam konteks ini, modernisme Islam mengambil semangat pembaharuan dan reformasi dengan bermodulkan modenisasi yang telah berjaya mengubah gaya hidup masyarakat di Barat. Barat telah berjaya menghasilkan revolusi industri dan akhirnya meletakkan Barat sebagai negara maju dan pemimpin dunia.⁵

Realiti tersebut mendapat perhatian kelompok modernis yang melihat sisi kemunduran umat Islam dalam segenap aspek terutama dalam industri dan teknologi. Gerakan ini pada kemudiannya mengalami proses perubahan setelah yang dicetuskan oleh Fazlul Rahman⁶ yang telah

³ Menariknya terdapat fakta dari pihak ilmuan barat seperti *Max Khan, H.J.C Hearnshaw* dan *Philip Hitti* menyatakan bahawa umat Islam adalah pencetus kebangkitan barat melawan gereja malah memberi nafas baru di saat dunia Eropah tenggelam dalam dunia tahyul Yunani. Namun catatan sejarah jelas menyatakan bahawa kebangkitan masyarakat Eropah melawan gereja adalah akibat daripada penindasan melampau Gereja terhadap masyarakat. Abdul Rahman b. Abdullah, (2002), Selangor Darul Ehsan: *Sejarah Tamadun Islam*, Pustaka Ilmi, h. 304.

⁴ Sulaiman Nordin, (2008), *Sejarah Pemikiran 1*, Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa, h. 112-113.

⁵ Khalif Muammar, (2006), *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Islam Liberal*, Selangor: Akademik Kajian Ketamadunan, h. 40.

⁶ Merupakan seseorang tokoh yang secara interlektual dididik dan dibesarkan dalam tradisi keagamaan yang kuat dan dunia keilmuan barat yang amat kritis. Namun pengembaraannya dalam bidang keintelektualan telah membawanya kepada neo-modernisme dengan wacana bersifat humanitarianistik yang penuh dengan pemikiran liberal. Neo-modernisme merupakan gerakan

mengukir *framework* pemikiran neo-mordenisme pada awal 80-an. Usaha yang telah dilakukan oleh beliau telah diambil kesempatan oleh orang yang berkepentingan untuk menjustifikasikan kelahiran pemikiran yang lebih radikal, liberal dan berani. Golongan ini diberi nama Islam Liberal.⁷

GERAKAN PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL

Pada dasarnya Islam Liberal⁸ merupakan produk baru untuk menjelmakan kembali modenisme Islam di abad ke-21. Modenisme yang telah lama bertapak dalam kalangan interlektual muslim dan menjadi satu pemikiran yang sangat berpengaruh pada abad ke-19. Kewujudan Islam Liberal merupakan kesinambungan daripada pengaruh kuat antara sekularisme, orientalisme, pascamodenisme dan modenisme Islam⁹. Islam liberal hanyalah istilah yang memudahkan umat Islam mengenali wajah sekumpulan Islam yang bersifat progresif, toleransi, inklusif dan pluralis yang dipacu oleh pemikiran sekular.

Islam Liberal merupakan benih yang tumbuh dari golongan muslim yang terpesona dengan dunia Barat yang kuat dipengaruhi oleh pengaruh Humanisme Barat. Dalam menjelaskan hakikat ini, Leonard Binder menegaskan bahawa perbahasan rasional menjadi tunjang utama golongan Islam Liberal. Rasionalisme dalam erti kata mendewakan akal fikiran dan menjadikannya sebagai kayu ukur dalam menilai segala sesuatu yang menjadi asas peradaban Barat, juga dianut oleh golongan modernis dan muslim liberal.

Menurut Kurzman pula, peranan seorang mordenis bukan sahaja dalam mencari persamaan di antara nilai-nilai moden dengan nilai-nilai ajaran Islam. Malah lebih dari itu seorang mordenis mesti berusaha untuk memperkasakan dan membangun teori yang kukuh yang dapat membuktikan wujudnya persamaan dan kesesuaian tersebut. Menurut

pembaharuan Islam yang muncul sebagai respon terhadap kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada gerakan-gerakan Islam yang muncul sebelumnya iaitu revivalisme pra mordenis, mordenisme klasik dan neo-revivalisme. Abd A'la MA, (2009), *Dari Neo-Mordenisme Ke Islam Liberal*, Jakarta: Dian Rakyat, , h. 1.

⁷ Khalif Muammar, *op.cit*, h. 42.

⁸ Nama Islam Liberal menggambarkan prinsip-prinsip yang dianut iaitu Islam yang menekankan kebebasan peribadi dan pembebasan dari struktur sosial politik yang menindas. Liberal di sini bermakna dua iaitu kebebasan dan pembebasan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Ulil Abshar bahawa Islam selalu dikaitkan dengan kata sifat sebab pada kenyataannya Islam ditafsirkan secara berbeza-beza sesuai dengan keperluan penafsirnya. Kami (Ulil Abshar) memilih satu kata sifat terhadap Islam iaitu "liberal". Bagi mewujudkan Islam Liberal kami (Ulil Abshar) membentuk jaringan Islam Liberal.

⁹ Khalif Muammar, *op.cit*, h. 39-40.

hasil tulisan tokoh-tokoh liberal, dapat dilihat bahawa tema yang diperdebatkan oleh mereka tidak jauh bezanya dengan modernis Islam seperti isu demokrasi, pembelaan hak-hak wanita, kebebasan bersuara dan masa depan umat manusia. Namun jauh dari itu topik yang dibincangkan oleh golongan ini sebenarnya membawa kepada penolakan terhadap Syariah, pluralisme agama, kebebasan berijtihad, penolakan autoriti agama dan hermeneutic.¹⁰

Hakikatnya modenisme dalam agama adalah sebuah sudut pemikiran dalam agama yang dibangunkan atas keyakinan bahawa kemajuan ilmiah dan wawasan moden membenarkan reinterpretasi menyemak kembali terhadap pelbagai doktrin yang telah dibina oleh tradisionalisme iaitu para ilmuwan Islam ulung terdahulu berdasarkan disiplin falsafah ilmiah yang diagung-agungkan oleh kumpulan modernis¹¹ berasaskan rasional semata-mata.

Pandangan bahawa perlunya penyesuaian antara Islam dan nilai-nilai Barat dan antara wahyu dan kemodenan adalah dengan andaian bahawa kedua-duanya adalah *compatible* dan boleh diharmonikan. Atas andaian ini maka misi untuk menyesuaikan antara kedua-dua nilai bukanlah perkara yang rumit.¹² Di sinilah berlakunya pertembungan antara wahyu dan akal yang menjadi perdebatan antara golongan tersebut dengan agamawan yang mempertahankan kesucian Islam dari kecelaruan dan kekeliruan. Budaya ini adalah hasil dari pancaran dan kejayaan falsafah Yunani dalam menakluki golongan modernis hingga kepada soal keagamaan.¹³ Masalahnya sekarang ialah bukan mencari titik temu antara dua identiti yang berbeza tetapi lebih kepada memaksa syariat Islam tunduk dan menerima kehendak Barat yang berpaksikan kepada rasio akal sahaja dengan mengenyahkan penglibatan nilai-nilai agama dalam mengatur urus masyarakat.

Ertinya muslim liberal ingin memaksa agama Islam serta hukum hakamnya agar tunduk kepada pelbagai kemajuan yang capai oleh mereka dengan segala formula pemikiran yang diperkenalkan dalam segenap aspek kehidupan manusia. Sebenarnya kita lupa bahawa golongan liberalis bertanggungjawab terhadap kecelaruan dalam tradisi agama Yahudi dan

¹⁰ *Ibid*, h. 43-44.

¹¹ Muhammad Hamid al-Nasir, (2004), *Menjawab Modernisasi Islam: Membedah Pemikiran Jamaluddin al-Afghani Hingga Islam Liberal*, Indonesia: Darul Haq, h. 3.

¹² *Ibid*

¹³ *Ibid*

Kristian sehingga muncul satu kelompok yang ingin membebaskan diri dari sebarang ikatan dengan agama yang mereka anuti.¹⁴

CIRI-CIRI KUMPULAN MUSLIM LIBERAL

Golongan ini pada asasnya tidak sama dalam misi melaksanakan idealisme mereka, ada antara mereka dengan jelas menyebut matlamat ingin menghancurkan syariat Islam akibat terpengaruh dengan dakyah nasionalis sekularis¹⁵ atau sayap kiri komunis.¹⁶ Ada juga gerakan yang mencetuskan keraguan di kalangan fanatik Islam dengan menyibukkan mereka ke lembah pelbagai terminologi bid'ah yang susah untuk dibicarakan atau dengan memutar belitkan realiti ajaran Islam dengan pemikiran dan gerakannya. Modenis meletakkan golongan penyeleweng dan sesat sebagai ahli tokoh ilmunan dan tokoh revolusi manakala para ilmunan Islam dikelompokkan sebagai konservatif jumud yang tidak boleh menerima realiti kemodenan. Kebanyakan modenis adalah di kalangan kategori yang kedua ini yang bergerak dengan penuh keraguan dan kekeliruan terhadap kesucian agama Islam.¹⁷

Ada juga yang pada mulanya berniat baik dalam memposisikan masalah ijtihad pada tempatnya tetapi pada akhirnya terperangkap dengan pelbagai persepsi konseptual westernisasi¹⁸ ketika melakukan kajian-kajian ilmiah di negara-negara Barat.

Namun apa pun alasan yang dikemukakan hakikatnya agama Islam, dunia Islam dan umat Islam sedang berhadapan dengan asakan dan serangan bertali arus dari segala bentuk pemikiran songsang oleh golongan modenis liberalis sekularis. Ia berbentuk karya-karya dan juga segala medium yang boleh memasarkan produk pemikiran mereka.

¹⁴ *Ibid*, h. 2

¹⁵ Aliran ini di asaskan oleh Descartes yang sangat mementingkan rasional. Rasional ini pula menyebabkan munculnya pelbagai idea yang membina suatu ilmu pengetahuan tanpa menghiraukan realiti di luar rasional. K. Bertens, *Ringkasan Sejarah Filsafat*, (1998), Indonesia: Penerbit Kanicius Yogyakarta, h. 45.

¹⁶ Gary Allen mendefinisikan Komunisme sebagai satu pakatan antarabangsa, suatu usaha untuk menakluki dunia daripada mereka di tempat tinggi yang sudi menggunakan pelbagai cara untuk mencapai tujuan tersebut. Komunis tidak pernah bersifat sebagai suatu pergerakan pembebasan rakyat yang tertindas tetapi sebuah pergerakan yang semakin menindas rakyat dalam memperluaskan kuasa mereka. Sulaiman Noordin, *op.cit*, h. 226.

¹⁷ Muhammad Hamid al-Nashir, *op.cit*, h. 174.

¹⁸ Tokoh-tokoh dunia barat yang mengkaji tentang dunia timur meliputi peradaban, politik, ekonomi, kesenian, keagamaan dan sebagainya. Tujuan mereka ialah untuk memesongkan fakta kesucian Islam dengan kekeliruan melalui institusi rasmi seperti kajian akademik, pusat-pusat pengajian dan sebagainya. Lihat Mohd Fikri Che Hussain, (2004), *Biografi Tokoh Orientalis Menurut Kitab al-A'lam al-Zarikli*, Johor Bharu: Pemiagaan Jahabersa, h. 3.

Antara dakyah mereka khususnya kepada umat Islam itu banyak, tetapi tulisan ini hanya tertumpu kepada dua perkara utama sahaja yang dikira saling berkait antara salah satu sama lain. Dua perkara utama ini ialah :

a) Penghinaan Terhadap Dalil Syariat Islam

Pada dasarnya kita nampak mereka menjunjung disiplin kajian dan penelitian yang bersifat ilmiah dengan melakukan pelbagai reformasi terutamanya soal keagamaan atas alasan kerana ingin mengejutkan umat Islam dari terus tidur. Hakikatnya mereka sengaja menghidupkan kembali dengan mengagungkan pelbagai arus pemikiran yang melingkari Islam dan umatnya lalu menghiasinya dalam bingkai pemikiran logik dengan alasan mengembalikan seni warisan dan budaya Islam.¹⁹

Setelah berjaya langkah pertama, mereka mengorak langkah seterusnya dengan mengembangkan pelbagai simbol-simbol dan terma-terma di mana doktrin pemikirannya berada di persimpangan antara Islam dan Marxisme atau antara nasionalisme dengan sosialisme ataupun antara Islam dengan demokrasi tajaan Barat. Hal ini membuatkan orientasi Islam semakin bercelaru kerana mereka mengambil kesempatan kejahilan dan ketinggalan segala sudut yang melanda umat Islam hari ini.

b) Kebebasan Berijtihad

Dalam mengamati pelbagai doktrin liberal di kalangan umat Islam, kita akan dapati ada tiga aspek penting yang menjadi fokus utama golongan tersebut, iaitu liberalisasi terhadap syariat Islam dengan melakukan perubahan total dalam metodologi ijtihad, al-Quran dan tafsirnya serta akidah Islam dengan penyebaran pluralisme agama.²⁰

Tumpuan dalam tulisan ini ialah berkait aspek pertama yang menyentuh persoalan ijtihad. Dalam Islam hukum-hakam yang bersifat *qaṭ'ī* (putus) dan *zannī* adalah jelas yang dipandang pada sisi *dalālah* dan *wurudnya* (petunjuk makna dan datangnya) nas tersebut. Bagi liberalis tidak ada yang tetap dalam agama sebab mereka memandangkan agama adalah bahagian dari proses dinamika sejarah sebagaimana yang telah berlaku kepada agama Yahudi dan Kristian. Dalam masalah fekah sebagai

¹⁹ Muhammad Hamid al-Nashir, *op.cit*, h. 177

²⁰ Budi Handrianto, (2007), *50 Tokoh Islam Liberal Indonesia*, Jakarta: Hujjah Press, h.

contoh yang termasuk dalam hukum *qaṭ'ī* seperti solat lima waktu, puasa, zakat dan sebagainya adalah jelas tanpa perlu dirungkai semula atas nama liberalisasi. Perlu kita fahami, dalam syariat Islam segala yang bersifat *qaṭ'ī* ianya dapat dipecahkan kepada tiga asas utama iaitu:

- 1- Apabila seseorang yang mengingkari perkara yang perlu diketahui secara *darūri* maka hukumnya kafir kerana jelas mendustakan Islam walau apa pun alasannya.
- 2- Apabila masalah menyentuh tentang perkara yang diketahui secara pasti iaitu *ijmā'* ulamak, maka mengingkarinya bukan menyebabkan kafir tetapi berdosa besar seperti wanita tidak boleh menjadi imam solat bagi lelaki.
- 3- Berkenaan dengan masalah *furū'* atau cabang dalam fekah yang bersifat *zann* yang tidak mempunyai dalil secara pasti maka masalah ini menjadi khilaf di kalangan para ilmuan Islam berdasarkan ijtihad masing-masing. Aspek inilah yang menjadi fokus utama penulis dalam memperincikan konsep ijtihad bagi menjawab kekaburan dan kekeliruan yang ditimbulkan oleh Islamis liberalis moden. Konsep ijtihad yang disebarkan oleh mereka menjadi perangkap bahaya bagi sesiapa yang tidak memahami dan mempelajari konsep ini secara terperinci, sebagaimana yang telah digariskan metodologinya secara jelas oleh para ilmuan besar Islam di era kegemilangan keilmuan dalam dunia Islam.

KEPERLUAN MENGENALI IJTIHAD DAN DISIPLINNYA

Bagi mengelakkan seseorang terjerumus ke lembah liberalism khususnya warga muslim, mereka mestilah memahami konsep ijtihad dan disiplinnya secara mendalam. Ijtihad²¹ dalam bahasa Arab disebut sebagai *badhl al-juhd* iaitu adanya usaha yang sangat kental atau proses analisis secara kritikal yang dilakukan oleh sarjana Islam yang digelar *mujtahid*. 'Abd al-Karīm Zaydān mendefinisikannya sebagai kekuatan dan keupayaan di mana dengan berusaha besungguh-sungguh dan mengerah seluruh tenaga untuk mencapai sesuatu.²²

²¹ Para fuqaha' berbeza pandangan dalam definisi ijtihad mengikut penekanan masing-masing. al-Bayḍāwī menyebutnya sebagai menggunakan sepenuh daya dalam memahami syarak. Al-Imam al-Subki pula mentakrifkannya sebagai berusaha sedaya upaya untuk menghasilkan andaian tentang hukum. Al-Āmidī pula mendefinisikan sebagai menggunakan sepenuh upaya dalam mengagak sesuatu hukum syarak. Mahmud Zuhdi Abdul Majid, (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h. 75.

²² 'Abd al-Karīm Zaydān, (2006), *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*, Bayrūt: Mua'ssah al-Risālah, h. 317.

Dalam istilah usul fiqh pula dikenali sebagai usaha dan upaya seorang ahli fekah dalam menghasilkan sesuatu hukum amali dalam syariat yang bersifat *ẓanni*²³ sama ada dalam al-Quran dan hadis.²⁴ Berdasarkan definisi di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa ijtihad adalah proses penggalian dan pencarian hukum syariat dari dalil-dalil yang bersifat *ẓanni* dengan mencurahkan segenap tenaga dan kemampuan yang ada pada seorang mujtahid sehingga tidak mungkin lagi melakukan usaha lebih dari itu untuk mendapatkan hukum syarak. Juga boleh disimpulkan sebagai suatu penelitian atau penyelidikan tentang hukum bagi memberikan kesimpulan hukum kepada para mujtahid.²⁵

Oleh yang demikian ruang lingkup ijtihad tidak berlaku terhadap tiga perkara.²⁶

- 1- Dalil yang *ṣarīḥ* atau *qat'ī* sama ada dalam soal akidah mahu pun fekah seperti rukun iman dan Islam dan juga solat lima waktu atau hukum jenayah Islam. Ianya hanya melibatkan dalil nas yang *ẓannī* sahaja.
- 2- Ijtihad adalah proses mencari hukum syariat, bukan proses untuk menggali hal-hal yang boleh difahami oleh akal atau pun perkara-perkara yang boleh dikesan oleh pancaindera. Sebarang usaha penyelidikan dalam aspek ini tidak layak dikategorikan sebagai ijtihad.
- 3- Ijtihad mesti dilakukan dengan sungguh-sungguh dengan mengoptimumkan sumber tenaga dan keupayaan yang ada hingga tahap yang tidak mungkin lagi melakukan usaha lebih dari apa yang telah dilakukannya. Seseorang tidak disebut sedang berijtihad jika ia hanya mencurahkan sebahagian kemampuan dan tenaganya, sedangkan keupayaannya lebih dari itu.

SYARAT-SYARAT KHUSUS MUJTAHID

Seseorang layak untuk berijtihad jika telah memenuhi syarat-syarat berikut ini:

- a. Mengetahui disiplin ilmu-ilmu al-Quran al-Karim²⁷

²³ *Zannī* bermaksud lafaz yang disebut bersifat terlalu umum atau pun kerdibiliti dalil itu sendiri. Jika nas bersifat *qat'ī* (autoriti) maka haram untuk diijtihad sama ada dalam masalah akidah ataupun hukum syariat. Lihat Imām al-Ḥaramayn, (t.t), *Qurrah al-'Ayn li Sharh Waraqāt Imām al-Ḥaramayn*, al-Qāhirah: Dār al-Faḍīlah, h. 132.

²⁴ Fāḍil 'Abd Wahīd 'Abd al-Raḥmān, (1996), *Usūl al-Fiqh*, al-Urdun: Dār al-Masīrah, h. 287.

²⁵ Mahmud Zuhdi Abdul Majid, *op.cit*, h. 74.

²⁶ Al-Āmidī, *op.cit*, j. 2, h. 309.

²⁷ Mannā' al-Qaṭṭān (2006), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt: Mua'ssasa al-Nāshirīn, h. 15

Pengetahuan mengenai al-Quran merangkumi mengetahui selok-belok bahasanya “*khabar* dan *inshāʾ*”, suruhan dan larangan tuntutan dan harapan mengetahui makna perkataan dalam penggunaan bahasa ‘*urf*’ dan syarak sama ada perkataan itu berasingan atau kedudukannya dalam ayat dan tujuan penggunaan perkataan itu serta sejauh mana tercapainya tujuan itu dalam syarak.

Mengetahui juga bahagian perkataan *mufrad* dan *jama*’nya dari segi umum dan khusus *mujmal*, *mubayyan*, *muṭlaq*, *muqayyad*, *zāhir*, *khafī*, dan *mushtarak mua’wwal* dan lain-lain. Mengetahui pengertian al-Quran secara *mantuq* dan *mafhum* dan pengertian terhadap maksud sesuatu anggapan samada secara terangan dan sindiran, juga mengetahui alasan-alasan yang mengetahui hukum serta kepentingannya yang dijadikan matlamat hukum-hukumnya. Mengetahui *naskh* dan *mansūkh* dan boleh juga dirujuk kepada kitab yang diakui sah dalam bidang itu.

b. Mengetahui al-Sunnah.²⁸

Al-Sunnah adalah sumber kedua dalam syariat ini dengan kedudukan di martabat ini mengetahuinya menjadi pasti dalam ijtihad. Mengetahui Sunnah ertinya mengetahui makna perkataan, mengetahui ilmu *Muṣṭalah al-ḥadīth*, susunan gaya bahasanya dan pengertian dari segi syarak dan sebagainya.

Jumlah hadis yang harus diketahui oleh para mujtahid ada yang mengatakan harus 3000 buah hadis. Ada pula yang mengatakan harus 1200 buah hadis. Menurut al-Syawkani harus mengetahui hadis-hadis yang ada dalam kitab-kitab yang enam dan lain-lain. Tidak disyaratkan menghafalnya. Tentang hadis selain mengetahui hadis *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *ḍaʿīf*nya, harus juga mengetahui keadaan perawi-perawi hadis yang tercela dan yang tidak.

c. Mengetahui perkara yang diijmāʿkan.²⁹

Disyaratkan ini supaya tidak memberi fatwa berlawanan dengan *ijmāʿ*, maksudnya bukanlah menghafal seluruh perkara yang diijmāʿkan tetapi

²⁸ Apa yang disandarkan kepada Nabi S.A.W sama ada perkataan, perbuatan, ikrar atau perakuan atau sifat sama ada sebelum atau selepas diangkat menjadi Nabi. Maḥmūd Ṭaḥḥān (t.t), *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*, Iraq: Maktabah al-Hidāyah, h. 15.

²⁹ Kesepakatan para ulama dalam perkara yang berkaitan dengan semasa tanpa perlu suara orang awam. Dan *ijmāʿ* ulama’ adalah hujjah dalam syariat berdasarkan hadis riwayat Imam Tirmidhi dalam Sunannya.

cukuplah diketahui bahawa masalah yang dikaji dan fatwanya tidak bertentangan dengan keputusan *ijmā'*.

d. Mengetahui ilmu Uṣūl al-Fiqh.³⁰

Disyaratkan mengetahui ilmu itu secara nyata kerana ijtihad bergantung kepada memahami dalil-dalil syarak untuk mengeluarkan hukum. Mujtahid juga hendaklah berpengetahuan luas serta mendalam kerana ilmu ini adalah asas ijtihad. Kalaulah ia berkemampuan, maka senanglah merujuk setiap masalah yang dihadapi kepada usulnya, kalau tidak dia akan menghadapi kesukaran dan kesulitan.

e. Mengetahui bahasa Arab.

Ini merupakan syarat terpenting yang perlu dilengkapi oleh seseorang sebelum melakukan ijtihad, seluruh ulama bersetuju sedemikian kerana inilah bahasa syariat. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab dan sunnah Nabi S.A.W juga dalam bahasa Arab.

f. Mengetahui kaedah-kaedah umum fiqh.

Pengetahuan ini besar faedahnya. Dengannya seseorang mujtahid boleh mengetahui fiqh; sumbernya, hasilnya, kemahiran mengingat masalah-masalah fiqh dan mengadakan perbandingan serta mengeluarkan masalah-masalah baru sepanjang masa.

g. Mengetahui matlamat syarak.

Ini adalah semangat perundangan Islam dan diisyaratkan ini supaya tidak menyeleweng daripada tujuan asalnya. Matlamat ini diasaskan kepada kepentingan kemanusiaan mengikut penilaian syarak dan justeru itulah diutuskan segala rasul-rasul.

Imam *al-Shātibī* menganggapkan mengetahui matlamat syarak sebagai syarat asas bagi seseorang yang melakukan ijtihad. Dengan itu barulah ijtihadnya menjadi sempurna. Dalam kitabnya *al-Muwafaqāt*³¹ beliau menegaskan bahawa martabat ijtihad tercapai dengan dua perkara. Pertama memahami matlamat syarak iaitu memahami kepentingan hamba

³⁰ Suatu disiplin ilmu yang berkaitan dengan hukum-hakam yang bersifat amali melalui sumber-sumber yang terperinci. Rujuk al-Imām Abū Zahrah, *Uṣūl Fiqh* (t.t), al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 9.

³¹ Abū Ishāq al-Shātibī, Ibrāhīm b. Mūsā al-Mālikī, (t.t), *al-Muwafaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 76.

Allah dalam tiga peringkat *darūriyyāt* (keperluan asasi), *ḥājiyyāt* (kehendak), *taḥsīniyyāt* (keinginan tambahan).

Kemudian seterusnya ia perlu mengetahui perkara lain yang boleh menyempurnakan peringkat tadi. Pendeknya seluruh kaedah umum dalam syarak berkhidmat untuk perkara-perkara disebutkan. Sekiranya seseorang itu faham segala matlamat syarak dan dihayati matlamat itu dalam setiap masalah fiqh dari mana-mana bab pun, maka orang itu telah mencapai sebab-sebab menduduki taraf khalifah kepada rasul di dunia ini dalam memberi pengajaran, fatwa, dan hukum-hukum sepertimana yang dikehendaki Allah. Keduanya kemampuannya melaksanakan tugas-tugas ijtihad kerana kemampuan itu memerlukan pengetahuan syariat dan matlamatnya.

SYARAT-SYARAT KESEMPURNAAN BERIJTIHAD³²

a. Mengetahui Ilmu Mantiq

Ilmu ini disebut-sebut oleh *fuqahā'* sebagai “cara penerokaan”, dengan mengetahui syarat-syarat pembuktian dan sempadannya. Cara mengatur kata-kata supaya menghasilkan tujuan dan dapat menghasilkan maklumat baru melalui maklumat-maklumat yang sedia ada. Maka perlulah mujtahid mengetahui perkara *taṣawwurāt*, *taṣdīqāt*. Ilmu ini dulunya dikenali dengan “Ilmu *al-Mizān*” iaitu ilmu neraca.

Hubungan ilmu mantiq dengan ijtihad tidaklah melebihi perkara *muqaddimāt* dan beberapa perbahasan seperti *dilālah*, bahagian-bahagian *qiyās* dan bentuknya, bagaimana mantiq adalah senjata yang paling berkesan dalam bidang perdebatan, kerana pendebat mestilah meletakkan hujahnya di atas asas yang kuat dan boleh mematahkan hujah lawan dengan mudahnya. Keperluan kepada mantiq untuk tujuan penyaluran hukum agak sedikit. Maka disyaratkan sekadar keperluan-keperluan itu sahaja.

b. Mengetahui dalil akal³³

³² Kassim Salleh (1989), *Ijtihad Sejarah Dan Perkembangannya*, Penerbit Al-Rahmaniah, h. 176-179.

³³ Hal ini berlaku sebagaimana dalam nas-nas yang bersifat umum yang mengandungi taklif syarak tanpa *takhsīs* atau tidak ada *taklīf* syarak namun akal mentaksiskan melalui perantaraan pancaindera seperti perintah solat dan bayar zakat dalam ayat 43 surah al-Baqarah. Perintah dalam ayat ini bersifat umum namun akal menghukumkan dengan mengecualikan mereka yang tidak mempunyai keahlian *taklīf* seperti kanak-kanak.

Sesetengah ulama usul mensyaratkan supaya mujtahid mengetahui dalil akal iaitu “*al-barā’ah al-aṣliyyah*” (kekosongan asal). Syarat ini dikenakan supaya mujtahid merujuk sesuatu hal keadaan itu hingga mengetahui adanya dalil dari nas al-Quran dan al-Hadis atau *qiyās*.

c. Mengetahui ilmu Kalam

Ulama berselisih pendapat mensyaratkan agar mengetahui ilmu Kalam. Golongan Muktaẓilah dan Qadariyah mensyaratkan supaya mujtahid mengetahuinya secara mendalam. Jumhur tidak mensyaratkan, malah ijtihad boleh dilakukan oleh seseorang Islam yang betul akidahnya, kerana ilmu *al-kalām* tidak berkaitan dengan peristiwa, perkaitan dengan perkara akidah sahaja. Kebenaran akidah boleh dicapai oleh orang awam tanpa memerlukan kajian mendalam.

d. Mengetahui masalah-masalah *furū’* (fekah)

Jumhur ulama berpendapat tidak perlu disyaratkan, sebab kalau disyaratkan mengetahui perkara *furū’* akan menimbulkan “putaran”, kerana hukum masalah *furū’* akan dilahirkan oleh mujtahid setelah mencapai martabat ijtihad. Maka hukum bagi masalah itu terhenti kepada pencapaiannya, ijtihadnya pula terhenti kepada mengetahui masalah yang bersifat *furū’* (cabang).

Bagaimanapun ada baiknya mujtahid mengetahui masalah-masalah fiqh yang sering berlaku di kalangan orang ramai supaya ia dapat mengumpul gambaran secara am tentang perkara itu dan memudahkannya menjalankan urusan penting mereka tanpa mengorbankan hukum syariat. Hal ini bagi memudahkan masyarakat awam beramal tanpa sebarang kekeliruan yang timbul.

SYARAT-SYARAT UMUM³⁴

a. Baligh

Orang yang belum baligh tidak dikira sempurna akalnya. Maka pendapatnya tidak diberi penilaian. Ibn Badran berkata pendapat yang menentang dari kanak-kanak tidak diambil kira dan tidak memberi

³⁴ *Ibid*, h. 180-183

sebarang kesan syarak, lagipun saksinya tidak diterima, kecuali riwayatnya.

b. Berakal

Disyaratkan mujtahid berakal dan ini merupakan perkara biasa, kerana ijtihad tidak mungkin dilakukan oleh orang cacat akalnya. Dimaksudkan dengan akal di sini ialah daya kemampuan pada diri seseorang untuk memahami perkara yang boleh diketahui. Ada pendapat mengatakan kefahaman itu sendiri sama ada secara *nazari* (menggunakan tenaga akal) atau *darūrī* (perkara pasti yang difahami tanpa berfikir).

c. Mempunyai daya kefahaman yang mendalam

Seseorang mujtahid mestilah mempunyai daya kefahaman dan pandangan yang tajam, pernah melahirkan buah fikiran dalam mengatasi masalah-masalah kemanusiaan dan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai keadaan semasa. Tanpa keistimewaan ini (fikiran dan pengalaman hidup), seseorang itu tidak boleh menyatakan fatwanya untuk melayan keperluan segera atau akan datang.

d. Orang yang adil (bukan fasik)

Seseorang mujtahid mestilah boleh dipercayai, beramanah, tidak terlalu mudah dalam urusan agama, bertakwa, tidak terikut-ikut dengan keinginan hawa nafsu dan memberi jawapan mengikut pengetahuannya tentang syarak dengan jalan yang betul.

Apabila kita meneliti semula tentang definisi ijtihad dalam istilah ulama usul ianya memberi maksud mencurahkan segala keupayaan dan mengorbankan kemampuan semaksimum mungkin baik dalam *istinbāṭī* (mengeluarkan hukum) ataupun yang bersifat *taṭbīqī* (pelaksanaan). Untuk mencapai tahap ini bukan semua orang boleh berijtihad sebagaimana yang dilakukan oleh muslim Liberal. Mereka dengan sengaja dan secara salah sering menggunakan ungkapan-ungkapan ulama terdahulu seperti imam Abu Hanifah yang mengatakan: pandangan kami adalah yang terbaik yang dapat kami lakukan, sesiapa yang dapat mendatangkan pandangan yang terlebih baik darinya maka kami akan terima pandangan tersebut. Ungkapan seperti ini sering diucapkan dalam konteks tertentu dan sering diungkapkan bersama dengan kata-kata imam Syafie dan imam Malik.³⁵

³⁵ Khalif Muammar, *op.cit*, h. 17-18.

Dalam konteks ini, menunjukkan bahawa para ilmuan Islam terdahulu sangat cermat dan teliti dalam apa jua masalah yang ditempuhi walaupun berlaku perselisihan di kalangan mereka. Amanah ilmu dan amanah agama menjadi asas utama keilmuan mereka dalam menyusun dan meletakkan sesuatu asas hukum yang melibatkan soal agama.

IJTIHAD ISTINBĀṬĪ DAN IJTIHAD TAṬBĪQĪ

Menurut Abu Zahrah bahawa ijtihad secara dasarnya terbahagi kepada dua bahagian :

- 1- Khusus *istinbāṭ* hukum serta penjelasannya.
- 2- Khusus untuk mempraktikkannya.

Ijtihad bahagian pertama adalah yang sempurna dan ianya dikhususkan kepada golongan ulama yang mengarahkan kepada mengenali hukum-hukum cabang dalam fekah yang bersifat amali dari sumber dalil yang terperinci. Kata sebahagian ulama bahawa jenis ini ijtihad ini termasuk dalam kategori ijtihad khusus yang terkadang terputus pada suatu masa. Ini adalah pandangan jumhur ulama atau paling kurang sebahagian besar mereka manakala mazhab Hambali berpendapat bahawa ijtihad jenis ini mestilah berlaku sepanjang masa dan perlu ada mujtahid yang mencapai tahap ini.³⁶

Manakala bahagian kedua pula merujuk kepada ijtihad *taṭbīqī* para ulama bersepakat tidak boleh kosong (mujtahid *taṭbīqī*) suatu masa pun darinya. Mereka adalah pakar ilmu *takhrīj* dan *taṭbīq* ‘illah-‘illah yang telah diistinbāṭkan atas perbuatan-perbuatan yang bersifat *juz’iyyah* berdasarkan apa yang telah dilakukan oleh ulama terdahulu. Maka dengan penerapan ini jelaslah segala hukum-hakam yang belum dikenali oleh ulama terdahulu yang memiliki taraf ijtihad mengenai perkara tersebut. Sesungguhnya keupayaan yang dimiliki oleh muhtajid tahap ini dinamakan *taḥqiq al-manāṭ* (mengeluarkan ‘illah-‘illah³⁷ dan sebab-sebab terjadinya hukum).³⁸

Ijtihad *taṭbīqī* jika ditinjau dari sudut tingkatan mujtahid maka ianya hanya boleh dilakukan oleh para mujtahid *muṭlaq*³⁹ dan mujtahid

³⁶ Imam Abu Zahrah, *op.cit.*, h. 341

³⁷ Iaitu sifat berupa sebab yang menyebabkan timbulnya hukum asal yang sama dengan hukum *furū’* atau baharu. Ianya mestilah memenuhi beberapa syarat. Lihat Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali, *op.cit.*, h. 60.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Merupakan tingkatan tertinggi yang memenuhi segala prasyarat seorang mujtahid.

*muntasib*⁴⁰ yang mengeluarkan hukum dengan istinbat tanpa ada yang mengistinbāṭkannya sebelum ini. Berbeza dengan ijtihad *taṭbīqī* iaitu mengeluarkan hukum sama dengan apa yang dilakukan oleh generasi terdahulu tetapi keadaannya belum ada pada masa terdahulu.

Namun disamping ijtihad *taṭbīqī*, masih ada tugas yang berkait dengannya sebagai contoh seorang hakim antara tugasnya menentukan undang-undang atau memutuskannya. Dalam masalah ini, tugas hakim menentukan perkara yang bersifat *ijtihādī* dan mengikat dengannya. *Ijtihādī* dan sifatnya itulah dinamakan *taṭbīqī* sedangkan ijtihad *istinbāṭī* sifatnya tidak mengikat boleh dilaksanakan atau tidak.

APLIKASI IJTIHAD *TATBĪQĪ* DAN *ISTINBĀṬĪ*

Dua orang sahabat sedang berselisih pergi mengadap Nabi S.A.W untuk meminta pengadilan lalu Nabi S.A.W pun menyelesaikan masalah tersebut tetapi salah seorang dari mereka tersebut tidak berpuas hati keputusan tersebut lalu dibawa pula kepada Umar al-Khattab. Selesai mendengar masalah tersebut Umar masuk ke dalam kemudian keluar lantas menghunus pedang ke arah orang yang tidak puas hati terhadap keputusan Nabi S.A.W.

Peristiwa tersebut diceritakan semula kepada Nabi S.A.W lalu bersabda: “*Aku kira tidak mungkin Umar berani membunuh seorang mukmin*”. Dengan itu turunlah ayat 65 surah al-Nisā’ sebagai mengukuhkan kebenaran apa yang telah dilakukan oleh Umar.⁴¹

Al-Mawardi juga ada menetapkan bahawa dalam mengukuhkan lagi kefahaman tentang ijtihad ini bahawa tugas khalifah paling utama di antara sepuluh tugas yang dinyatakan oleh beliau ialah melindungi keutuhan agama sesuai dengan prinsipnya yang ditetapkan dan segala perkara yang telah disepakati dan dipersetujui oleh para salaf. Apabila muncul golongan ahli bid’ah atau kumpulan ajaran sesat yang mengelirukan urusan agama, ia mestilah menjelaskan kepada mereka tentang kebenaran atau menidakkannya sesuai dengan hak-hak dan hukum

⁴⁰ Mujtahid tahap kedua dalam tingkatannya yang memilih terma-terma yang digunakan oleh imam-imam mereka mengenai perkara-perkara usul tetapi berselisih pandangan dengan imam-imamnya dalam perkara *furū’*.

⁴¹ Abū al-Fidā’ Ismail b. Kathir, (1994), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, t.q. Shu’ayb al-‘Arna’ūt, Dimashq: Dār al-Fayhā’, h. 693.

yang berlaku agar agama terpelihara dari penyelewengan dan ummah akan terselamat dari sebarang kekeliruan.⁴²

Dalam hal ini menentukan dan menghukumkan pendapat sebagai sesat adalah ijtihad *istinbāṭi* bila belum pernah mujtahid meng*istinbatkan* sebelum ini. Jika sudah ada mujtahid yang meng*istinbatkan* sebelumnya maka keadaannya sahaja yang menbezakan sedangkan ‘illahnya tetap sama. Oleh itu gunakan saja ‘illah itu sebagai panduan hukum, dan kaedah inilah di istilahkan sebagai ijtihad *taṭbīqī* manakala penerapan hukumnya adalah *taṭbīqī*.⁴³

Berkaitan dengan hal ini Nurcholis Majid telah menghina imam Syafie yang telah berjasa besar dalam kerangka keilmuan Islam dalam metodologi fekah dengan penghinaan yang amat berat. Katanya kepada imam besar ini :

*“Kaum muslim lebih terbuai dengan kerangkeng dan belunggu pemikiran fikih yang telah dibuat oleh imam Asy-Syafi’i. Kita lupa imam Syafi’i memang arsitek ushul fikih yang paling brilian, tapi juga karena Syafi’i lah pemikiran-pemikiran fikih tidak berkembang selama kurang lebih dua belas abad. Sejak Asy-Syafi’i meletakkan kerangka ushul fikihnya, para pemikir fikih muslim tidak mampu keluar dari jeratan metodologinya. Hingga kini rumusan Asy-Syafi’i itu diposisikan begitu agung, sehingga bukan saja tak tersentuh kritik, tapi juga lebih tinggi ketimbang nash-nash Syar’i (Al-Quran dan hadis). Buktinya, setiap bentuk penafsiran teks-teks selalu tunduk di bawah kerangka Asy-Syafi’i.”*⁴⁴

Melihat kepada keterangan Ulil Abshar yang merupakan kordinator Jaringan Islam Liberal Indonesia ketika menegaskan dengan memberi keutamaan semangat religio-etik, bukan makna literal teks. Ijtihad yang dikembangkan oleh Islam Liberal adalah upaya menafsirkan Islam berdasarkan semangat religio-etik Quran dan Sunnah Nabi, bukan menafsirkan Islam semata-mata berdasarkan makna literal sebuah teks. Penafsiran yang literal akan melumpuhkan Islam. Dengan penafsiran yang

⁴² Abū al-Ḥasan ‘Alī b. Muḥammad b. Ḥabīb al-Baṣrī al-Mawardi, (1996), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyah* Al-Dīniyyah, Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, h. 15

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Nurcholis Majid Cs, (2003), *Fikih Lintas Agama Membangun Masyarakat Inklusif Pluralis*, Yayasan Wakaf Paramidana Bekerjasama Dengan The Asia Foundation, h. 5.

berdasarkan semangat religio-etik, Islam akan hidup dan berkembang secara kreatif menjadi bahagian dari peradaban kemanusiaan universal.⁴⁵

Golongan muslim liberal percaya bahawa ijtihad atau pemikiran rasional atas teks-teks keislaman adalah prinsip utama yang memungkinkan Islam terus bertahan dalam segala keadaan yang mendepaninya. Penutupan pintu ijtihad, baik secara terbatas atau secara keseluruhan, adalah ancaman kepada Islam itu sendiri, oleh yang demikian Islam akan mengalami kemunduran. Islam Liberal percaya bahawa ijtihad boleh diselenggarakan dalam semua aspek, baik komunikasi sosial, *'ubūdiyyah*, dan *ilāhiyyāt* atau teologi.⁴⁶

WILAYAH IJTIHAD

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa ijtihad hanya berlaku pada perkara *furū'* dalam syariat sahaja yang terbuka kepada perbezaan interpretasi di kalangan ilmuan Islam. Manakala perkara yang melibatkan usul dan nas *qaṭ'ī* maka ianya tidak boleh sama sekali disebut sebagai ijtihad.

Sebagai contoh hukum haram memilih pemimpin negara yang berkiblat sekular dan tidak mendukung syariat Islam bukanlah perkara *ijtihādiyyah* kerana kebatilan dan pertentangan sekularisme dengan Islam adalah perkara *qaṭ'ī* kerana bertentangan dengan akidah Islam. Kewajipan menerapkan syariat dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat dan negara juga merupakan perkara yang wajib tanpa sebarang bentuk persoalan terhadapnya. Kewajipan menegakkan kembali Khilafah Islamiyah juga merupakan perkara pasti yang tidak boleh ada perdebatan di kalangan umat Islam. Realitinya pada hari ini umat Islam tersasar dari memahami erti sebenar tentang ijtihad dengan mencampur adukkan antara sumber dalil *qaṭ'ī* dengan *ẓannī* yang menyebabkan berlaku kecelaruhan yang amat serius dalam syariat Islam.

Secara umumnya wilayah ijtihad terbahagi kepada dua :

- 1- Perkara syariat yang tidak ada nasnya sama sekali
- 2- Perkara syariat yang ada nasnya tetapi tidak *qaṭ'ī wurūdnya* atau pun sumber dalilnya.

⁴⁵ Budi Handrianto, *op.cit*, h. 264.

⁴⁶ www.islamlib.com.

Jika dalam lapangan ijtihad itu dan kemudian ada pula ijtihad dalam suatu perkara, maka hasil ijtihad itu menjadi undang-undang yang jika dikaitkan dengan perjawatan hakim maka hakim hanya terbatas dalam memutuskan keputusan berdasarkan undang-undang, bukan untuk mengadili undang-undang tersebut.

Hakim tidak berhak mengadili undang-undang kerana tugasnya hanya menerapkan undang-undang berdasarkan undang-undang, tidak lebih dari itu. Begitu juga halnya para mujtahid pun tidak berhak untuk ijtihad dalam perkara yang telah ada nasnya secara pasti. Apabila ada mana-mana individu yang melakukan sedemikian maka bukan setakat ijtihadnya terbatal bahkan dikira menentang nas tersebut. Ini amat bahaya kepada akidah seseorang. Sebagaimana seorang hakim telah memutuskan keputusan yang sengaja menyalahi undang-undang.⁴⁷

Oleh itu kita mestilah memastikan bahawa agama Islam dan syariatnya jangan mudah dipermainkan oleh golongan yang tidak arif dalam bidang keilmuan yang telah dibuat oleh generasi terdahulu yang ingin mengubah nas yang yang *muḥkam* menjadi *mutashābih* dan juga hukum yang bersifat *qaṭ'ī* menjadi *ẓanni* yang boleh diubah bila-bila masa. Tidakkah kita terfikir bahawa nas yang *muḥkam* merupakan tempat kembalinya nas *mutashābih* dan hukum yang *qaṭ'ī* adalah tempat rujukan hukum yang bersifat *ẓanni*. Jika autoriti *muḥkam* (dalil yang jelas) dan *qaṭ'ī* dianggap masih boleh diubah-ubah maka di mana lagi tempat rujukan dan sandaran agama.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, ijtihad *istinbāṭi* adalah ijtihad untuk mengeluarkan hukum mengenai masalah yang tidak ada nasnya atau ada nasnya tetapi tidak pasti dan ijtihad yang dilakukan itu belum ada generasi terdahulu berijtihad tentangnya. Manakala ijtihad *taṭbīqī* adalah suatu metodologi yang ijtihad yang sudah ada dalam kerangka ijtihad generasi terdahulu tetapi keadaan yang membezakannya. Jika sudah ada ijtihad tersebut maka ijtihad *taṭbīqī* hanyalah berperanan mengeluarkan 'illah-'illah (suatu sifat pada asal yang di bina atasnya hukum dan diketahui dengannya hukum pada sesuatu) yang disesuaikan dengan ijtihad generasi terdahulu.

Terjahan pemikiran yang dilakukan oleh golongan liberalis perlu ditangani dengan serius oleh interlektual Islam. Gabungan kepakaran

⁴⁷ Hartono Ahmad Jaiz, *op.cit*, h. 132-133.

mereka semua amat ditagih tanpa mengira kepentingan masing-masing kerana bebanan kecelaruhan yang dijelmakan oleh golongan muslim liberal ini amat berat untuk ditanggung oleh pihak kerajaan sahaja. Ianya perlu ditangani secara bersama agar penularan pemikiran sesat tidak menjadi satu wabak kepada Islam dan umatnya. Segala permasalahan dalam syariat Islam perlu dirujuk terlebih dahulu kepada mereka yang ada kepakaran jika terdapat kekeliruan sebagaimana jika kita sakit perlu merujuk kepada pakar perubatan dan bukannya terus membeli ubat yang berkemungkinan akan membahayakan diri sendiri.

BIBLIOGRAFI

- Abū al-Fidā' Ismail b Kathir, (1994), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, t.q. Shu'ayb al-Arna'ūt, Dimashq: Dār al-Fayhā'.
- 'Abd al-Karīm Zaydān, (2006), *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*, Bayrūt: Mua'ssasa al-Risālah.
- Abdul Rahman b. Abdullah, (2002), *Sejarah Tamadun Islam*, Selangor: Pustaka Ilmi.
- Al-Ḥaṭṭāb, Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Muḥammad al-Rā'inī al-Mālikī, (t.t), t.q Muḥammad Muṣṭafā Qākim al-Taḥṭawī, *Qurrah al-'Ayn li Sharh Waraqāt Imām al-Ḥaramayn*, al-Qāhirah: Dār al-Faḍīlah.
- al-Mawardī, Abū al-Ḥasan 'Alī b. Muhammad b. Ḥabīb al-Baṣrī, (1996), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*, Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq, Ibrāhīm b. Mūsā al-Mālikī, (t.t), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Zahrah, (t.t) *Usūl Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī.
- Budi Handrianto, (2007), *50 Tokoh Islam Liberal Indonesia*, Jakarta: Hujjah Press.

Fāḍil ‘Abd al-Wahīd ‘Abd al-Raḥmān, (1996), *Usūl al-Fiqh*, Amman: Dār al-Maṣīrah.

Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, ed. keempat, (2007), Selangor: Dawama Sdn Bhd.

Kassim Salleh (1989), *Ijtihad Sejarah dan Perkembangannya*, t.tp: Penerbit Al- Rahmaniah,

K. Bertens, (1998), *Ringkasan Sejarah Filsafat*, Yogyakarta: Penerbit Kanicius.

Khalif Muammar, (2006), *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*, Selangor: Akademik Kajian Ketamadunan, Kompleks Sg. Ramal Dalam.

Mohd Fikri Che Hussain, (2004), *Biografi Tokoh Orientalis Menurut Kitab al-A’lam al-Zarikli*, Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.

Muhammad Hamid al-Nasir, (2004) *Menjawab Modernisasi Islam: Membedah Pemikiran Jamaluddinal-Afghani Hingga Islam Liberal*, Indonesia: Darul Haq.

Mannā’ al-Qaṭṭān, (2006), *Mabāḥith fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, Bayrūt: Mua’ssahah al-Risālah.

Maḥmūd Ṭaḥḥān, (t.t) *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, al-Irāq: Maktabah al-Hidāyah.

Nurchholis Madjid cs, (2003), *Fikih Lintas Agama Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis*, Yayasan Wakaf Paramidana Bekerjasama Dengan The Asia Foundation.

Sulaiman Nordin, (2008), *Sejarah Pemikiran 1*, Johor: Perniagaan Jahabersa.

Laman Web

www.islamlib.com